

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

SEPTEMBER 2001

RPK 231 – PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** yang **DIWAJIBKAN** (Objektif).

BAHAGIAN B: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Proses pembangunan melibatkan peringkat-peringkat kelulusan berikut:

- (i) Pecah sempadan
- (ii) Pelan bangunan
- (iii) Tukar syarat
- (iv) Susunatur

Susunan kelulusan selalunya:-

- a) i, ii, iii, iv
- b) ii, iii, iv, i
- c) iii, iv, i, ii
- d) iv, iii, ii, i

2. Kawasan Plinth adalah:

- a) Bahagian kawasan dari lot yang akan didirikan bangunan
- b) Kawasan yang dibenarkan ditukarmilik
- c) Seluruh kawasan yang dibenarkan pembangunan ke atasnya
- d) Kawasan yang diluluskan pecah sempadan

3. ‘Penduduk’ yang dimaksudkan oleh Akta 172 **TIDAK** meliputi:

- a) Tenan tanah atau bangunan
- b) Seseorang yang menumpang tanah atau bangunan
- c) Pemunya tanah atau bangunan
- d) Seseorang yang menduduki tanah atau bangunan atau yang menjaga kepentingannya

...2/-

4. Aktiviti membakar hutan seperti yang diamalkan oleh penduduk-penduduk asli Australia adalah **BUKAN** atas sebab berikut:
 - a) suatu kewajiban sosial terhadap tanah
 - b) untuk mengawal kebakaran
 - c) diarahkan oleh pihak kerajaan
 - d) untuk membuka jalan
5. Nisbah Plot adalah:
 - a) Nisbah di antara jumlah luas plot bangunan dengan bilangan lantai
 - b) Nisbah di antara bilangan lot dengan jumlah keseluruhan kawasan
 - c) Nisbah di antara jumlah luas lantai sesuatu bangunan dengan luas plot bangunan
 - d) Nisbah di antara bilangan tingkat sesebuah bangunan dengan luas plot bangunan
6. ‘Garden City Movement’ dipelopori oleh:
 - a) Henry Wright
 - b) Margeret Roberts
 - c) Williams Perry
 - d) Ebezener Howard
7. Perubahan-perubahan dari fahaman kesultanan kepada sebuah negara demokrasi sepetimana yang berlaku di Iran adalah satu contoh:
 - a) Falsafah Komprehensif
 - b) Falsafah Inovatif
 - c) Falsafah Revolusi
 - d) Falsafah Majmuk
8. Lilitan Hijau [*Green Belts*] merupakan suatu elemen penting perancangan British. Yang mana satukah dari berikut **BUKAN**nya fungsi lilitan hijau:
 - a) ia menghalang perkembangan bandar
 - b) ia menghalang kehilangan tanah-tanah pertanian
 - c) ia memelihara alam persekitaran
 - d) ia menghalang kehilangan identiti sesebuah bandar
9. Memperuntukkan lebih banyak kawasan lapang di sesuatu kawasan perumahan melebihi syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan merupakan adalah contoh sifat:-
 - a) Amanah
 - b) Ehsan
 - c) Adil
 - d) Mengingati pencipta

...3/-

10. Yang mana satu **BUKAN**nya ciri Falsafah Perancangan Sejagat?
- a) Aktiviti pelbagai dimensi
 - b) Pertumbuhan ekonomi sebagai fokus pembangunan
 - c) Perubahan kuantitatif dan kualitatif
 - d) Pengagihan sumber yang saksama
11. Jabatan ini **BUKAN** sebahagian dari jabatan-jabatan teknikal yang terlibat dalam proses kelulusan susunatur:-
- a) Jabatan Taman & Landskap Majlis Perbandaran
 - b) Jabatan Kerja Raya
 - c) Jabatan Ukur Negeri
 - d) Jabatan Parit dan Saliran
12. Badan yang meluluskan permohonan susunatur adalah:
- a) Pejabat Tanah dan Galian
 - b) Majlis Perbandaran
 - c) Pejabat Tanah Daerah
 - d) Unit Perancang Ekonomi Negeri
13. Setiausaha Jawatankuasa Perancangan Negeri adalah:
- a) Setiausaha Kerajaan Negeri
 - b) Penasihat Undang-Undang Negeri
 - c) Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri
 - d) Seorang ahli exco negeri
14. **Akta Kerajaan Tempatan** adalah:
- a) Akta 133
 - b) Akta 171
 - c) Akta 172
 - d) Akta 176
15. Kenyataan manakah yang tidak benar mengenai falsafah-falsafah perancangan di bawah?
- a) Perancangan peruntukan merupakan satu kaedah mengagihkan sumber-sumber mengikut keutamaan penggunaannya
 - b) Perancangan inovatif merupakan cantuman aktiviti perancangan dengan aktiviti tindakan sebagai penyelesaian masalah perancangan
 - c) Perancangan komprehensif dipelopori oleh Faludi
 - d) Falsafah kemajmukan wujud ekoran dari perancangan yang dilakukan oleh pelbagai agensi

16. Undang-undang perancangan yang pertama digubal pada tahun?
- a) 1988
 - b) 1923
 - c) 1972
 - d) 1945
17. Contoh menghormati hak-kegunaan yang lebih awal seperti yang diterangkan dalam Prinsip Perancangan Sejagat adalah:-
- a) Menghormati kegunaan yang lebih membawa faedah ekonomi
 - b) Menghormati kegunaan yang lebih bersifat sederhana
 - c) membenarkan zon dikekalkan sebagai zon perumahan meskipun kegunaan yang lebih sesuai adalah perindustrian kerana terdapat rumah-rumah yang telah lama bertapak
 - d) membenarkan perlombongan haram dijalankan kerana ia adalah tradisi turun temurun
18. Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Akta 172 meliputi:-
- (i) Menyediakan pelan pembangunan
 - (ii) Menimbang permohonan kebenaran merancang
 - (iii) Mengambil tindakan terhadap sebarang pembangunan haram
 - (iv) Menimbang hak pampasan kepada pemilik tanah
- a) i, ii, iii
 - b) i, ii, iv
 - c) i, iii, iv
 - d) i, ii, iii, iv
19. Kerja-kerja yang **TIDAK** memerlukan kebenaran merancang adalah:
- (i) pembinaan terowong oleh Jabatan Kerja Raya
 - (ii) pembinaan rumah panjang untuk buruh kasar
 - (iii) pembinaan pentas tarian singa untuk tujuan keramaian
 - (iv) pondok rehat dalam perkarangan rumah
- a) i, ii, iii
 - b) i, ii, iv
 - c) i, iii, iv
 - d) i, ii, iii, iv
20. Konsep **WILAYAH** yang ditakrifkan semasa Rancangan Malaysia ke 4 telah membahagikan Malaysia kepada ____ wilayah.
- a) 2
 - b) 4
 - c) 6
 - d) 8

- 5 -

21. KEDA adalah singkatan kepada:

- a) Kelantan Development Authority
- b) Kedah Development Authority
- c) Kelang Development Agency
- d) Keluang-Endau Development Authority

22. Keupayaan Menampung dalam sektor pelancongan dapat ditentukan oleh:

- (i) Had sumber nyata
 - (ii) Penerimaan oleh penduduk setempat
 - (iii) Tahap kepuasan pelancong
 - (iv) Perubahan yang keterlaluan
- a) i & ii sahaja
 - b) ii & iii sahaja
 - c) i, ii, iii
 - d) i, ii, iii, iv

23. Perry (1910) semasa merangka prinsip-prinsip rekabentuk unit kejiranan, telah mencadangkan perkara-perkara berikut, kecuali:

- a) Saiz unit kejiranan hendaklah mampu menampung sebuah sekolah rendah
 - b) Mesti terdapat ruang lapang dan rekreasi yang mengcukupi
 - c) Kedai-kedai harus diletakkan di tengah-tengah unit kejiranan bagi memudahkan orangramai membeli-belah
 - d) Mesti terdapat hierarki jalan yang meningkatkan kemudahsampaian manusia ke unit kejiranan
24. Berbeza dari seorang tukang tilik, seorang perancang harus menggunakan _____ dalam membuat perancangan.

- (i) Lojik
 - (ii) Ramalan
 - (iii) Akal
 - (iv) Agakan
- a) i, ii, iii
 - b) ii, iii, iv
 - c) i, ii, iv
 - d) Semua di atas

... 6/-

25. Konsep Perancangan mula diketengahkan kerana berlakunya perkara-perkara berikut, **KECUALI**:-
- a) Kemusnahan terjadi akibat pembangunan yang tidak terkawal
 - b) Tekanan pembangunan yang wujud di negara-negara barat
 - c) Kesan dan impak pembangunan yang mula tidak disenangi
 - d) Rungutan oleh negara-negara dunia ke tiga
26. Mengikut piawaian perancangan yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, yang manakah keperluan penyediaan ruang tempat letak kereta untuk jenis-jenis pembangunan yang di senaraikan di bawah tidak **betul**?
- a) Konduminum = 1.5 ruang letak kereta/unit + 30% pelawat
 - b) Kos sederhana = 1 ruang letak kereta/unit + 20% pelawat
 - c) Kos sederhana rendah = 1 ruang letak kereta/2 unit + 10% pelawat
 - d) Kos rendah = 1 ruang letak kereta / 4 unit + 10% pelawat
27. Bancian isipadu lalulintas amat penting untuk **kecuali**:
- a) Membuat ramalan dan unjuran
 - b) Reka bentuk untuk pemulihan
 - c) Pengurusan persimpangan
 - d) Menentukan masa dan jarak perjalanan
28. Keperluan ruang jalan (lorong) minimum untuk dua buah lori berselisih adalah:
- a) 20 kaki
 - b) 24 kaki
 - c) 21 kaki
 - d) 22 kaki
29. Apakah fakta yang **TIDAK BETUL** mengenai ciri-ciri pembinaan lebuh raya.
- a) Mempunyai 4 lorong dua hala
 - b) Lebar setiap lorong adalah antara 10 hingga 12 kaki
 - c) Lebar simpanan jalan adalah samada 100 atau 132 kaki
 - d) Mempunyai persimpangan yang dikawal oleh lampu isyarat
30. Penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) terkandung dalam:
- a) Seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta A933
 - b) Seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172
 - c) Seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1998, Akta A933
 - d) Seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1986, Akta 174

31. Antara fungsi Pelan Struktur adalah seperti di bawah.... kecuali
- a) Mentafsir Dasar-Dasar Negara dan Wilayah
 - b) Menentukan Matlamat, Polisi dan Cadangan Umum
 - c) Menyediakan Rangkakerja Bagi Pelan-Pelan Susunatur
 - d) Menyediakan Panduan Bagi Kawalan Pembangunan
32. Fakta manakah yang **TIDAK BETUL** mengenai Pelan Tempatan:
- a) Boleh disediakan bersama-sama Pelan Struktur
 - b) Boleh disediakan dahulu daripada Pelan Struktur
 - c) Jangkamasa antara 5 hingga 10 tahun
 - d) Meliputi sebahagian kecil kawasan Pelan Struktur
33. Sesebuah Pelan Tempatan mungkin merupakan sebuah Pelan-Pelan berikut kecuali:
- a) Pelan Susunatur
 - b) Pelan Subjek
 - c) Pelan Kawasan Tindakan
 - d) Pelan Kawasan Kecil
34. Antara berikut, manakah yang betul mengenai laporan cadangan pemajuan (LCP)?
- a) disediakan semasa projek pemajuan telah bermula
 - b) disediakan untuk permohonan kebenaran merancang
 - c) menjadi rujukan khas kepada penyediaan pelan pembangunan
 - d) diperlukan untuk kawasan pembangunan yang kurang daripada 1 ekar
35. Berikut adalah antara kandungan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) kecuali:
- a) konsep dan justifikasi pemajuan
 - b) pelan lokasi, pelan kunci dan pelan tapak
 - c) analisis pencemaran
 - d) cadangan kerja tanah
36. Sistem Pelan Pembangunan (Rancangan Pemajuan) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Akta 172 yang digunakan di negara kita Malaysia sekarang ini merangkumi:
- a) Pelan Induk, Pelan Tempatan dan Pelan Struktur
 - b) Pelan Kawasan Kecil, Pelan Struktur dan Pelan Induk
 - c) Pelan Tempatan Kecil dan Pelan Struktur
 - d) Pelan Struktur dan Pelan Tempatan

37. Berikut adalah fakta-fakta yang betul mengenai reka bentuk rangkaian jalan raya dalam sesebuah kawasan perumahan **kecuali:**
- a) mengurangkan bahaya dan masalah yang timbul daripada pergerakan lalulintas
 - b) menyediakan laluan yang selamat dan mudah kepada semua kenderaan
 - c) memudahkan pergerakan kenderaan pada kelajuan yang tinggi di laluan yang berhampiran dengan tempat kediaman
 - d) menyediakan laluan pejalan kaki antara tempat kediaman dengan kawasan kemudahan komuniti yang selamat kepada semua pengguna
38. Kenyataan-kenyataan di bawah adalah betul mengenai fungsi jalan raya **kecuali:**
- a) Perhubungan komunikasi
 - b) Penyambung antara kawasan awam dan kawasan persendirian
 - c) Ruang kemudahan utiliti
 - d) Laluan khas kenderaan kecemasan sahaja
39. Definisi Unit Kereta Penumpang (PCU) adalah
- a) Semua jenis kenderaan dinisbahkan kepada kereta penumpang
 - b) Semua jenis kenderaan barang dinisbahkan kepada kereta penumpang
 - c) Semua jenis lalulintas dinisbahkan kepada kereta penumpang
 - d) Semua jenis kenderaan awam dinisbahkan kepada kereta penumpang
40. Bancian perancangan di sesuatu tapak, memerlukan seorang pembanci yang memahami dan mengetahui;
- a) Kaedah bancian dan pengisian borang soal selidik
 - b) Cara membuat bancian di luar tapak
 - c) Cara melukis pelan tatatur
 - d) Cara membuat unjuran penduduk
41. Dalam bancian penduduk kita memerlukan maklumat dan data seperti yang disenaraikan di bawah **kecuali;**
- a) Umur dan jantina
 - b) Saiz isirumah dan status kahwin
 - c) Ketua isirumah dan kerakyatan
 - d) Jenis pokok dan taman
42. Bancian pekerjaan, tidak melibatkan maklumat dan data berikut **kecuali;**
- a) Penghijrahan
 - b) Pendidikan formal
 - c) Purata pendapatan bulanan
 - d) Masalah sosial

43. Bidang kajian atau subjek Rancangan Struktur merangkumi perkara-perkara berikut kecuali:
- Topografi / kecerunan tanah
 - Perniagaan / perdagangan
 - Perkhidmatan Utiliti dan Infrastruktur
 - Rekreasi dan Riadah
44. Tujuan bincian perancangan ialah:
- Untuk mendapatkan maklumat untuk kenaikan pangkat ke jawatan tinggi
 - Untuk menentukan lokasi melancong ke luar negara
 - Untuk mengetahui isu-isu, masalah serta merancang sesuatu kawasan dengan berkesan
 - Untuk menentukan lokasi perletakan loji penapisan air yang paling sesuai.
45. Perancang di Majlis Perbandaran Seberang Perai sering terlibat dengan aktiviti perancangan seperti:
- Proses kelulusan pelan tatatur
 - Proses kelulusan kaedah pertanian untuk tujuan perdagangan
 - Proses penyediaan pelan pemasaran produk pertanian
 - Proses perancangan dan pemasangan pendawaian elektrik
46. Gutkind (1952) di dalam bukunya bertajuk "Our World from the Air" memberikan istilah *I-thou* yang bermaksud:
- hubungan manusia menawan alam sekitar
 - hubungan manusia menghormati alam sekitar
 - hubungan keseimbangan fauna & flora
 - hubungan keseimbangan sesama manusia
47. Menurut Laurie (1975), apakah asas utama yang menyumbangkan kepada pencemaran alam sekitar?
- kekurangan pengetahuan tentang cara mengurus alam sekitar
 - sikap manusia yang tamak dan tidak bertimbang rasa
 - kekurangan tenaga kerja untuk mengurus alam sekitar
 - pertambahan penduduk dunia yang berlipat ganda
48. Kesemua berikut merupakan proses asas dalam perancangan landskap kecuali:
- Kajian dan analisis tapak
 - Penilaian inventori
 - Penyelesaian rekabentuk dan polisi
 - Pengurusan hasil landskap

49. Di dalam buku “Design with Nature”, Ian McHarg (1969) telah menganalisa kesesuaian sesebuah tapak untuk pembangunan berdasarkan teknik:
- a) pertindihan
 - b) penyelarasan
 - c) penurasan
 - d) pusingan
50. Di Malaysia, salah satu kawasan yang sering terganggu akibat pembangunan adalah kawasan tanah tinggi. Ini secara definasinya meliputi:
- a) Kawasan berkecerunan 60° dan berketinggian melebihi 300 meter.
 - b) Kawasan berkecerunan 20° dan berketinggian melebihi 500 meter.
 - c) Kawasan berkecerunan 45° dan berketinggian melebihi 150 meter.
 - d) Kawasan berkecerunan 10° dan berketinggian melebihi 1000 meter.

(50 MARKAH)

-ooo00ooo-

BAHAGIAN B: Jawab SEMUA soalan

ARAHAN: SILA GUNAKAN KERTAS BERASING UNTUK SETIAP SOALAN

1. ‘Penggunaan sumber yang cekap’ – merupakan satu prinsip dan pendekatan penting perancangan. Huraikan perkara ini secara ringkas dengan memberi contoh.

(12.5 markah)

2. ‘Penyertaan Awam’ adalah suatu proses penting perancangan. Huraikan bagaimana dan di peringkat manakah pihak awam disertakan dalam proses perancangan?

(12.5 markah)

3. Antara arahan yang terkandung dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Akta 172 Bahagian III adalah penyediaan Pelan Struktur oleh Pihak Perancang Tempatan.

(a) Apakah itu Pelan Struktur?

(b) Huraikan dengan contoh-contoh semasa, fungsi atau kepentingan Pelan Struktur dalam pembangunan negara.

(12.5 markah)

4. Ringkaskan tujuan perancangan dalam merancang sesuatu kawasan sederhana.

a) Senaraikan **LIMA** jenis bancian perancangan.

b) Huraikan tanggungjawab seorang pegawai perancang dalam menjayakan penyediaan pelan untuk membangun sesuatu kawasan.

(12.5 markah)

-ooo00ooo-

